



## Fertiliti dalam kalangan guru wanita di Daerah Kulaijaya, Johor: Satu analisis kuantitatif

Mohd Zamree Tukiran<sup>1</sup>, Noraziah Ali<sup>2</sup>, Usman Haji Yaakob<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, <sup>2</sup>Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor

Correspondence: Mohd Zamree Tukiran (email: mohdzamree.tm@gmail.com)

### Abstrak

Wanita dan pekerjaan semakin tidak boleh dipisahkan. Golongan wanita dilihat mendominasi institusi pendidikan tinggi sekaligus membolehkan mereka mendapat kelayakan kerjaya dan pekerjaan yang baik. Perubahan status dan peranan wanita hari ini menyebabkan wanita menangguhkan usia perkahwinan dan menghadkan saiz keluarga. Kertas ini akan cuba meneliti aspek pola fertiliti dalam kalangan guru wanita. Seramai 108 orang responden telah dipilih daripada guru wanita pelbagai etnik yang telah berkahwin di tujuh buah sekolah menengah kebangsaan di sekitar bandar Kulai. Tumpuan utama penyelidikan ini adalah untuk mengkaji hubungan angkubah terpilih dengan fertiliti guru wanita. Dapatan kajian mendapati majoriti responden menggalas beban tugas perguruan pada tahap berat dan amat berat. Beban tugas perguruan ini mempunyai pengaruh secara tidak langsung terhadap kadar fertiliti mereka. Kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan bagi angkubah etnik, struktur umur, umur berkahwin, tempoh perkahwinan, tempoh perancang keluarga, bilangan anak ideal dan pendapatan keluarga responden dengan fertiliti guru wanita dalam kajian ini. Keseluruhannya, tekanan kerjaya telah memberikan kesan signifikan terhadap fertiliti dan seterusnya mempengaruhi pertumbuhan penduduk di Malaysia.

**Katakunci:** beban tugas perguruan, latihan, menangguhkan usia perkahwinan, pola fertiliti, tekanan kerjaya, wanita bekerjaya

## Fertility among female teachers in the Kulaijaya District, Johor: A quantitative analysis

### Abstract

Women and work are becoming increasingly inseparable. Higher education is enabling women to gain skills and good jobs and change their present status and role. Consequently, women tend to postpone marriage and limit their family size. This paper examines aspects of fertility patterns among 108 female teachers from seven secondary schools around Kulai. The main focus was on the relationship between selected variables with the fertility of female teachers. The result showed that the majority of teachers had heavy and very heavy school workload. This had an indirect influence on their fertility rate. The study also found a significant relationship between the variables of ethnicity, age structure, age of marriage, length of the marriage, length of family planning, ideal number of children and family income with the fertility of the female teachers in this study. Overall, women's career pressures had exerted a significant impact on fertility and consequently population growth in Malaysia.

**Keywords:** career women, career pressures, delayed age of marriage, patterns of fertility, teacher workload, training

## Pengenalan

Pembangunan dan perubahan sosioekonomi yang berlaku di Malaysia sejak kebelakangan ini telah meninggalkan impak ke atas profil demografi negara. Perubahan profil demografi penduduk negara ini dijangka akan terus berlaku tatkala negara Malaysia terus berusaha mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Sehubungan itu, fertiliti dilihat menjadi satu fenomena sosial yang kompleks dan mempunyai pengaruh besar terhadap semua aspek pembangunan. Pola fertiliti mempengaruhi struktur kekeluargaan, bekalan guna tenaga, pembangunan kemudahan awam dan lain-lain proses masyarakat (Syed Abdul Razak & Mustafa, 2008; Razak, 1996; Tey, 2010a). Kemerosotan kesuburan dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Perancangan keluarga misalnya memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kemerosotan kesuburan (Awadalla, 2012; M Jamsiah *et al.*, 2009). Penggunaan pelbagai kontraseptif dan amalan perancangan keluarga telah berkembang dan jika arah aliran ini berterusan maka akan berlakulah kemerosotan kesuburan selanjutnya.

Bertepatan itu, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), wanita dilihat telah memberikan sumbangan yang ketara kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara. Manakala dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) pula, usaha diambil untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi memastikan penyertaan wanita yang lebih berkesan dalam pembangunan negara. Melalui penyertaan yang lebih baik dalam pasaran kerja serta peningkatan akses dalam pendidikan, wanita telah melibatkan diri dan memberi sumbangan dalam pelbagai bidang kepada pembangunan negara. Penyertaan dan sumbangan ini dicapai, antara lain, berikutan perubahan rangka kerja perundangan dan institusi termasuk pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan, peningkatan keupayaan mendapatkan pekerjaan melalui pencapaian pendidikan yang lebih tinggi serta pelaksanaan dasar dan program gender sensitif (Malaysia, 2006).

Dalam konteks ini, wanita memainkan peranan penting dalam pembangunan keluarga pada hakikatnya juga membangunkan masyarakat (Rika & Abd. Aziz, 2009). Peningkatan penyertaan wanita dalam sektor ekonomi dilihat sebagai satu petanda baik bagi masyarakat dan golongan wanita itu sendiri (Raja Rohana, 1999). Namun begitu, dari satu sudut, ia memberi kesan yang signifikan terhadap pembangunan sesebuah keluarga (Elizabeth, 2012; Fatimah *et al.*, 2002). Proses industrialisasi dan urbanisasi telah meninggalkan kesan yang penting ke atas status dan peranan kaum wanita. Akibat daripada kedua-dua proses itu, lebih ramai kaum wanita yang mula bekerja di luar rumah pada umur yang masih muda lagi. Wanita yang sudah berkahwin dan yang bekerja di luar rumah mendapati diri mereka terpaksa menggabungkan peranan tradisional mereka sebagai isteri dan ibu dengan peranan baru sebagai pekerja (Fatimah, 1985; Fatimah, 2008; Noraziah, 2008; Suriati Ghazali, 2002).

Pembangunan sumber manusia menerajui pertumbuhan baru ekonomi negara. Pelaburan dalam pendidikan termasuk pelajar, guru, kaedah pengajaran dan pembelajaran, alat-alat fizikal sekolah perlu digembeleng supaya mencapai taraf antarabangsa (Ramlee & Ramziah, 2002). Sehubungan itu, profesion perguruan telah diberi amanah oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk melahirkan masyarakat yang berpengetahuan dan berilmu pada abad ke 21, demi membina negara yang bertamadun tinggi (Mohd Fitri, 2006).

Dalam usaha untuk merealisasikan sistem pendidikan yang berkembang, beban tugas dan tanggungjawab kerja dalam kalangan guru menuntut komitmen yang tinggi dalam pengajaran pembelajaran juga kegiatan ko-kurikulum serta juga tugas-tugas berkaitan dengan perkeranian. Guru juga perlu memastikan kelicinan program sekolah yang telah dirancang sama ada pada peringkat sekolah, daerah, negeri atau kebangsaan. Begitu juga, setiap kali perubahan kurikulum kewibawaan guru tercabar, yang menyebabkan ramai guru menghadapi tekanan emosi akibat daripada perubahan tersebut (Mohd Fitri, 2006).

Jelas di sini bahawa guru wanita telah beralih dari ruang domestik ke ruang awam. Perubahan yang dialami oleh kaum wanita ini tidaklah pula mengurang atau mengubah peranan tradisional serta tanggungjawab mereka terhadap tugas domestik. (Fatimah, 1985; Fatimah, 2008; Noraziah, 2008; Suriati Ghazali, 2002). Pemindahan ruang domestik kepada ruang awam ini telah memberi tekanan kepada tingkahlaku dan pembentukan keluarga serta kesuburan guru wanita yang menjadi fokus dalam kajian ini.

## Teori pembolehubah pertengahan dan norma sosial

Dalam perbincangan berhubung faktor-faktor yang mempengaruhi fertiliti, Davis dan Blake telah mengemukakan satu model faktor-faktor yang mempengaruhi fertiliti melalui apa yang disebut sebagai “pembolehubah pertengahan” (intermediate variables). Menurut Davis dan Blake faktor-faktor sosial, ekonomi dan budaya yang mempengaruhi fertiliti akan melalui “pembolehubah pertengahan”.


Sehubungan itu, terdapat 11 pembolehubah pertengahan yang telah dikenalpasti mempengaruhi fertiliti wanita, yang masing-masing dikelompokkan dalam tiga tahap proses reproduksi iaitu persetubuhan, konsepsi dan hamil atau memelihara anak. Perincian model tersebut seperti berikut:

- I. Faktor yang mempengaruhi pendedahan kepada persetubuhan (pembolehubah persetubuhan).
  - A. Faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan dan pembubaran perkahwinan dalam waktu produktif.
    1. Umur memasuki perikatan perkahwinan
    2. Kekal tidak berkahwin: peratusan wanita yang tidak memasuki perikatan perkahwinan
    3. Jumlah tempoh reproduktif yang digunakan selepas atau antara perikatan perkahwinan
      - (a) apabila perkahwinan dibubarkan melalui perceraian, pengasingan atau ditinggalkan
      - (b) apabila perkahwinan bubar oleh kematian suami
  - B. Faktor yang mempengaruhi pendedahan kepada persetubuhan dalam perikatan perkahwinan.
    4. Menjauhkan diri daripada isteri secara sukarela
    5. Menjauhkan diri daripada isteri bukan secara sukarela (tidak berdaya, sakit)
    6. Kekerapan bersetubuh
- II. Faktor-faktor yang mempengaruhi pendedahan kepada konsepsi (pembolehubah konsepsi)
  7. Fekunditi atau tidak fekunditi hasil daripada sebab sukarela
  8. Menggunakan atau tidak menggunakan kontraseptif
    - (a) secara mekanik atau kimia
    - (b) cara-cara lain
  9. Fekunditi atau tidak fekunditi hasil daripada sebab-sebab sukarela (pemandulan, rawatan perubatan dan sebagainya).
- III. Faktor-faktor yang mempengaruhi kehamilan dan selamat bersalin (pembolehubah kehamilan)
  10. Kematian foetus daripada sebab tidak sukarela
  11. Kematian foetus daripada sebab sukarela

Berdasarkan model yang dikemukakan ini, didapati faktor-faktor sosial dan budaya yang mempengaruhi kesuburan mestilah melalui satu, dua atau kesebelas-sebelas pembolehubah seperti yang dinyatakan. Ini kerana, setiap pembolehubah mempunyai nilai positif atau negatif terhadap kesuburan. Sebagai contoh jika dalam satu masyarakat ramai pasangan berkahwin menggunakan kontraseptif untuk mengawal kesuburan, justeru pembolehubah 8 memberikan nilai negatif. Tetapi jika kontraseptif tidak digunakan, nilai pembolehubah 8 menjadi positif. Oleh yang demikian, setiap pembolehubah yang terdapat dalam model tersebut boleh meninggikan atau merendahkan kesuburan manusia (Usman, 1989). Dalam erti kata lain, kesemua pembolehubah yang dinyatakan ini mempunyai pengaruh secara langsung terhadap fertiliti, manakala faktor-faktor lain seperti struktur ekonomi dan sosial, kadar kematian dan lain-lain hanya mempengaruhi fertiliti secara tidak langsung (Lucas *et al.*, 1982).

Sehubungan itu, menurut Freedman pembolehubah pertengahan yang mempengaruhi langsung terhadap fertiliti pada dasarnya juga dipengaruhi oleh norma-norma yang berlaku dalam suatu masyarakat. Ini kerana pada akhirnya, perilaku fertiliti seseorang adalah dipengaruhi oleh norma-norma yang ada iaitu norma saiz keluarga dan norma pembolehubah pertengahan itu sendiri. Seterusnya norma-norma saiz keluarga dan pembolehubah pertengahan ini pula di pengaruhi oleh kadar kematian dan struktur ekonomi dan sosial yang ada dalam masyarakat. Kerangka analisis fertiliti yang dikemukakan oleh Freedman (1962) ini ditunjukkan dalam Rajah 1.

Freedman (1962) juga menyatakan bahawa “*intermediate variables*” yang dikemukakan Davis dan Blake menjadi pembolehubah pertengahan yang menghubungkan antara “norma-norma fertiliti” yang sudah boleh diterima masyarakat dengan jumlah anak yang dimiliki (outcome). Ia menunjukkan bahawa “norma fertiliti” yang sudah boleh diterima oleh masyarakat dapat disesuaikan dengan fertiliti yang diinginkan seseorang. Selain itu, norma sosial juga dianggap sebagai faktor yang dominan.




Rajah 1. Faktor-faktor yang mempengaruhi kesuburan (Sumber: Freedman, 1962)

Di samping itu, Freedman (1979) turut menegaskan bahawa kadar fertiliti yang dilihat cenderung untuk terus menurun di beberapa negara pada dasarnya bukan semata-mata disebabkan pembolehubah-pembolehubah pembangunan makro seperti urbanisasi dan industrialisasi sebagaimana dikemukakan oleh model transisi demografi klasik tetapi berubahnya motivasi fertiliti akibat bertambahnya penduduk yang celik huruf serta perkembangan jaringan-jaringan komunikasi dan pengangkutan. Secara khususnya, artikel ini akan menjelaskan hubungan angkubah terpilih dengan fertiliti responden.

Oleh yang demikian, dalam melihat hubungan antara pembolehubah terpilih dengan fertiliti (bilangan anak sebenar) dalam kajian ini, pengkaji telah memfokuskan kepada sebelas pembolehubah yang dikategorikan sebagai faktor sosio-demografi, faktor sosio-ekonomi dan faktor perancang keluarga dan nilai anak seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.

Dalam konteks ini, beberapa analisis statistik digunakan bagi melihat perkaitan dan hubungan antara pembolehubah yang dipilih dengan fertiliti. Jenis analisis statistik yang digunakan bergantung kepada kategori dan jenis data yang bagi setiap pembolehubah tersebut. Dalam kajian ini analisis statistik Anova Sehala dan Korelasi Pearson telah digunakan. Statistik Anova Sehala adalah untuk melihat kesan interaksi antara satu pembolehubah bebas secara serentak terhadap pembolehubah

bersandar (Chua, 2006). Namun begitu, keputusan analisis Anova Sehalah akhirnya akan menunjukkan samada terdapat hubungan yang signifikan ataupun tidak antara kedua-dua pembolehubah yang diuji. Bagi statistik Korelasi Pearson pula, ia akan memperlihatkan kekuatan hubungan linear antara dua variabel dan kekuatan hubungan ini ditunjukkan melalui nilai antara -1 atau +1 (Lay & Khoo, 2008).



Rajah 2. Pembolehubah terpilih yang telah ditetapkan dalam kajian

### Kawasan kajian dan metodologi

Kajian ini melibatkan guru-guru wanita yang berkhidmat di sekolah-sekolah menengah di Daerah Kulaijaya, Johor. Daerah Kulaijaya mempunyai 16 buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), 32 buah Sekolah Kebangsaan (SK), 14 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan 5 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) menjadikan keseluruhan jumlah sekolah yang berada di Daerah Kulaijaya ialah sebanyak 67 buah sekolah.

Dari segi enrolmen guru-guru yang berkhidmat di Daerah Kulaijaya, terdapat kira-kira 3696 orang guru kesemuanya. Daripada jumlah itu, seramai 1485 orang guru yang berkhidmat di sekolah menengah dan pecahan mengikut jantina lelaki dan wanita masing-masing ialah 428 orang dan 1057 orang (Jadual 1). Ternyata, bilangan guru wanita yang berkhidmat di sekolah menengah di Daerah Kulaijaya adalah hampir tiga kali ganda berbanding guru lelaki. Pecahan mengikut etnik, guru kaum Melayu dilihat mendominasi profesion perguruan dengan jumlah sebanyak 1254 orang iaitu kira-kira 84.4 peratus daripada keseluruhan guru di Daerah Kulaijaya.

Jadual 1. Enrolmen guru sekolah menengah mengikut etnik dan jantina di Daerah Kulaijaya

Etnik	Lelaki		Perempuan		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Melayu	372	87.0	882	83.4	1254	84.4
Cina	33	7.7	109	10.3	142	9.6
India	20	4.67	49	4.4	69	4.65
Lain-lain	3	0.7	17	1.6	20	1.35
Jumlah	428	100	1057	100	1485	100

Sumber: Pejabat Pelajaran Daerah Kulai (2010)

Sehubungan itu, selari dengan fokus kajian ini untuk meninjau pola fertiliti dalam kalangan guru-guru wanita, justeru hanya guru-guru wanita sahaja dipilih sebagai responden. Dalam penyelidikan ini sebanyak tujuh buah sekolah menengah dipilih dan kedudukan sekolah ini adalah sekitar Bandar Kulai. Sekolah kajian ialah SMK Munshi Abdullah, SMK Tunku Abdul Rahman Putra, SMK Taman

Putri, SMK Sultan Ibrahim, SMK Kulai Besar, SMK Indahpura 1 dan SMK Bandar Putra. Seramai 108 orang guru-guru wanita merangkumi etnik Melayu (83.3%), Cina (12%) dan India (4.7%) dijadikan sampel dalam kajian ini. Guru-guru wanita yang berkahwin dan mempunyai anak sahaja dijadikan responden oleh pengkaji bagi mendapatkan data tentang bilangan anak yang dimiliki dalam kalangan guru-guru di kawasan kajian. Ini adalah bagi mengetahui kadar kesuburan di kalangan mereka di samping memudahkan proses penganalisan data tentang perbezaan kadar kesuburan mengikut etnik.

Program aplikasi perisian SPSS 17.0 *for Windows (Statistical Package For Social Science)* telah digunakan bagi menganalisis data mentah yang diperolehi. Analisis statistik boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif adalah teknik statistik yang meringkaskan beberapa set data atau maklumat, digunakan untuk memerihalkan dan mengklasifikasikan data yang diperolehi secara umum (Babbie, 2010; Rohana Yusoff, 2004). Melalui teknik ini ia memudahkan persembahan hasil kajian, misalnya menggunakan frekuensi dan peratusan bagi menunjukkan taburan responden mengikut etnik. Sehubungan itu, dalam kajian ini statistik deskriptif digunakan bagi memerihalkan pembolehubah demografi seperti latar belakang (etnik, umur, agama, jumlah pendapatan bulanan keluarga dan lain-lain).

Manakala bagi teknik statistik inferensi pula adalah statistik yang merujuk kepada teknik-teknik menginterpretasi nilai, membuat keputusan atau kesimpulan (Zainal, 2003). Misalnya, melalui kajian ini analisis statistik inferensi yang digunakan adalah Khi Kuasa Dua, Analisis Varian (ANOVA) Sehala dan Korelasi Pearson. Penggunaan kaedah-kaedah statistik ini bergantung kepada jenis data yang diperolehi melalui borang soal selidik. Dengan menggunakan teknik analisis inferensi ini, diharapkan ia mampu memberi gambaran menyeluruh tentang perhubungan dan kesan interaksi angkubah-angkubah yang terpilih terhadap fertiliti guru-guru wanita di kawasan kajian.

## Hasil kajian

### *Profil responden*

Majoriti guru-guru wanita yang dikaji adalah pada kumpulan umur 26-45 tahun iaitu mewakili seramai 95 orang (88%) daripada keseluruhan responden (Jadual 2). Namun begitu, kelompok terbesar responden dapat dilihat pada kumpulan umur 26-30 tahun dan 31-35 tahun masing-masing mencatatkan responden sebanyak 26 orang (24.1%). Ini diikuti oleh guru-guru wanita pada kumpulan umur 36-40 tahun iaitu sebanyak 22 orang (20.4%), dan guru-guru wanita pada kumpulan umur 41-45 tahun iaitu sebanyak 21 orang (19.4%). Manakala selebihnya adalah guru-guru wanita pada kumpulan umur 46-50 tahun iaitu sebanyak 13 orang (12%).

Dari segi status perkahwinan pula, didapati kesemua responden di kawasan kajian masih berkahwin. Ini bermaksud kesemua responden yang dikaji masih dalam ikatan perkahwinan dan ini memudahkan mendapatkan data yang lengkap berhubung fertiliti yang menjadi fokus utama dalam kajian ini. Dari segi etnik, dicatatkan kira-kira 83.3% responden adalah dalam kalangan guru-guru kaum Melayu, 12% dalam kalangan guru-guru kaum Cina dan selebihnya iaitu 4.6% adalah dalam kalangan guru-guru kaum India. Wajaran jumlah ini adalah bersesuaian dengan nisbah jumlah keseluruhan guru-guru wanita yang berkhidmat di sekolah-sekolah menengah di Daerah Kulaijaya, Johor mengikut etnik. Dari sudut agama pula, terdapat kira-kira 90 orang guru-guru wanita yang menganut agama Islam, 9 orang penganut agama Buddha, 5 orang penganut agama Hindu dan 4 orang penganut agama Kristian. Dalam konteks tahap pendidikan guru-guru wanita di kawasan kajian ini dapat dilihat hampir kesemua guru-guru wanita ini memiliki tahap pendidikan Ijazah Sarjana Muda iaitu seramai 100 orang (92.5%). Selain itu, terdapat juga guru-guru wanita di kawasan kajian ini memiliki tahap pendidikan hingga ke peringkat Sarjana iaitu seramai 8 orang (7.4%).

**Jadual 2. Ciri-ciri demografi responden**

Profil responden	Bilangan	Peratus (%)
Umur		
26-30 tahun	26	24.1
31-35 tahun	26	24.1
36-40 tahun	22	20.4
41-45 tahun	21	19.4
46-50 tahun	13	12.0
Etnik		
Melayu	90	83.3
Cina	13	12.0
India	5	4.6
Agama		
Islam	90	83.3
Hindu	5	4.6
Kristian	4	3.7
Buddha	9	8.3
Tahap Pendidikan		
Ijazah Sarjana Muda	100	92.5
Sarjana	8	7.4
Jumlah	108	100

*Tugas dan profesion perguruan*

Secara keseluruhannya, bilangan responden terbesar merupakan guru-guru yang berpengalaman mengajar sekitar 11-15 tahun iaitu sebanyak 28.7 peratus. Sebahagian besar responden pula iaitu sebanyak 47.2 peratus merupakan guru-guru yang berpengalaman mengajar di antara 1-10 tahun, masing-masing 21.3 peratus bagi 1-5 tahun pengalaman mengajar dan 25.9 peratus bagi 6-10 tahun pengalaman mengajar. Namun begitu, dapatan kajian juga mendapati kira-kira 24.1 peratus responden merupakan guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar di antara 16 tahun dan ke atas (Jadual 3). Bagi taburan responden mengikut jawatan pentadbiran, hanya 16.7 peratus responden sahaja yang terlibat. Dalam jumlah ini, sebanyak 4.6 peratus responden menyandang jawatan Guru Kanan Sains, 3.7 peratus menyandang jawatan Guru Kanan Kemanusiaan dan 2.8 peratus responden menyandang jawatan Guru Kanan Bahasa. Manakala bagi jawatan Penolong Kanan 1, Guru Kanan Teknik dan Vokasional dan Penolong Kanan Tingkatan Enam masing-masing sebanyak 1.9 peratus responden yang diberi tanggungjawab tersebut. Bagi baki 83.3 peratus responden yang lain, mereka hanya sebagai guru akademik sahaja.

Berdasarkan Jadual 3 juga, didapati bilangan responden yang diberi tugas menjadi guru tingkatan agak seimbang dengan bilangan responden yang tidak menjadi guru tingkatan iaitu masing-masing sebanyak 49.1 peratus dan 50.9 peratus. Nilai ini dilihat normal kerana jumlah guru tingkatan di sesebuah sekolah bergantung kepada jumlah kelas yang mampu dibuka oleh pihak sekolah mengikut ruang yang ada. Lazimnya, guru tingkatan dilantik dalam kalangan guru akademik biasa yang tidak menyandang jawatan pentadbiran di sekolah.


**Jadual 3. Taburan responden mengikut pengalaman mengajar, jawatan pentadbiran, guru tingkatan dan waktu rasmi bertugas**

Perkara	Bilangan	Peratus (%)
Pengalaman Mengajar		
1-5 tahun	23	21.3
6-10 tahun	28	25.9
11-15 tahun	31	28.7
16-20 tahun	12	11.1
Lebih 20 tahun	14	13.0
Jawatan Pentadbiran		
Pen. Kanan 1	2	1.9
Guru Kanan Bahasa	3	2.8
Guru Kanan Sains	5	4.6
Guru Kanan Teknik & Vokasional	2	1.9
Guru Kanan Kemanusiaan	4	3.7
Pen. Kanan Tingkatan 6	2	1.9
Guru Biasa	90	83.3
Guru Tingkatan		
Ya	53	49.1
Tidak	55	50.9
Waktu Rasmi Bertugas		
12.30-6.40ptg	13	12.0
7.10-2.30ptg	53	49.1
7.20-2.00ptg	40	37.0
7.30-4.30ptg	2	1.9
Jumlah	108	100

Dalam konteks waktu rasmi bertugas pula, dapat dilihat kelompok responden yang bertugas di antara 7.10 pagi hingga 2.30 petang mencatatkan bilangan terbesar dalam kalangan keseluruhan responden iaitu sebanyak 49.1 peratus. Ini diikuti oleh bilangan responden yang bertugas di antara 7.20 pagi hingga 2.00 petang sebanyak 37 peratus. Terdapat juga bilangan responden yang bertugas pada sesi petang di antara 12.30 tengahari hingga 6.40 petang iaitu sebanyak 12 peratus. Dapatan kajian ini juga menemukan 1.9 peratus daripada keseluruhan responden bertugas di antara 7.30 pagi hingga 4.30 petang. Secara keseluruhannya, didapati min jumlah jam bertugas rasmi harian bagi responden dalam kajian ini ialah sebanyak 6.97 jam sehari dan 34.9 jam seminggu. Manakala min bagi jumlah jam yang digunakan oleh guru-guru dalam program kelas tambahan, aktiviti kokurikulum dan mesyuarat pula masing-masing dicatatkan sebanyak 2.58 jam seminggu, 3.29 jam seminggu dan 2.83 jam seminggu. Oleh yang demikian, kita dapat menyatakan bahawa min jumlah jam bertugas seminggu bagi seorang guru dalam kajian ini ialah sebanyak 43.6 jam (Rajah 2).

Dapatan kajian juga menunjukkan purata jam yang digunakan oleh seorang guru bagi menjalankan tugas akademik berbentuk rutin harian di sekolah ialah sebanyak 31.27 jam seminggu (Jadual 4). Jumlah ini termasuk mengajar mata pelajaran opsyen (12.2 jam/minggu), pengajaran mata pelajaran bukan opsyen (6.53 jam/minggu), penyediaan buku rekod mengajar (2.33 jam/minggu), penyediaan alat bantu mengajar (2.77 jam/minggu), memeriksa buku latihan murid (5.33 jam/minggu) dan menggantikan guru yang tidak hadir (2.11 jam/minggu)





**Rajah 2.** Jumlah masa (jam/minggu) yang digunakan oleh guru-guru dalam program kelas tambahan aktiviti kokurikulum dan mesyuarat

**Jadual 4.** Pembahagian jumlah masa (jam) dalam seminggu bagi menyempurnakan rutin harian akademik

Senarai Tugas	Purata (jam) Dalam Seminggu
a Mengajar mata pelajaran opsyen	12.2
b Mengajar mata pelajaran bukan opsyen	6.53
c Penyediaan buku rekod mengajar	2.33
d Penyediaan alat bantu mengajar	2.77
e Memeriksa buku latihan murid	5.33
f Mengganti guru yang tidak hadir	2.11
Jumlah	31.27

**Jadual 5.** Persepsi guru terhadap beban tugas

Aspek Beban Tugas	Amat Tidak Berat	Tidak Berat	Berat	Amat Berat	Jumlah
Tugas Akademik Rutin	-	33 (30.6)	59 (54.6)	16 (14.8)	108 (100)
Tugas Akademik Bermusim	-	31 (28.7)	63 (58.3)	14 (13)	108 (100)
Tugas Kokurikulum	1 (0.9)	47 (43.5)	50 (46.3)	8 (7.4)	108 (100)
Tugas-tugas Khas	-	24 (22.2)	71 (65.7)	13 (12)	108 (100)
Status Beban Tugas Guru (keseluruhan)	-	11 (10.2)	62 (57.4)	35 (32.4)	108 (100)

Nota: ( ) Peratus

Implikasi daripada penemuan ini, sebahagian besar responden menyatakan bahawa kesemua aspek beban tugas guru-guru kini adalah pada tahap berat dan amat berat (Jadual 5). Sehubungan itu, dalam melihat perkaitan antara pengalaman mengajar dengan persepsi status beban tugas guru keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perkaitan signifikan antara pengalaman mengajar dengan persepsi status dan beban tugas guru. Ini bermaksud pengalaman mengajar seseorang guru tidak mempunyai perkaitan dengan persepsi status dan beban tugas guru dalam kajian ini.

*Kadar fertiliti responden*

Ahli demografi menggunakan istilah fertiliti bagi menerangkan bilangan kelahiran sebenar dalam sesebuah kependudukan pada satu jangka masa tertentu (Abdul Aziz, 1999). Istilah bilangan anak sebenar pula merujuk kepada bilangan anak yang telah dilahirkan hidup oleh seseorang wanita sepanjang tempoh umur subur iaitu 15 – 49 tahun (Usman, 1989). Dalam kata lain, bilangan anak sebenar merupakan petunjuk bagi fertiliti responden dalam kajian ini dan menjadi antara pembolehubah yang penting dalam menerangkan pembentukan keluarga responden.

Dapatan kajian menunjukkan sebahagian besar responden iaitu sebanyak 86.1 peratus, memiliki anak sekitar seorang anak hingga empat orang anak dan min bagi bilangan anak sebenar dalam kalangan responden ialah 2.79 orang anak bagi setiap responden. Jumlah ini menghampiri min bilangan anak dalam kalangan wanita berkahwin di Semenanjung Malaysia iaitu 3.04 orang (Nur Zakiah *et al.*, 2002). Dari segi tingkahlaku kelahiran, responden telah mencatatkan jumlah kelahiran sebanyak 301 orang anak iaitu 176 orang anak lelaki dan 125 orang anak perempuan. Kebanyakan responden melahirkan anak pertama ketika mereka berumur sekitar 25 hingga 29 tahun iaitu sebanyak 40.5 peratus. Namun begitu, umur terawal bagi responden yang melahirkan anak pertama dalam kajian ini ialah pada umur 22 tahun. Manakala bagi umur terakhir responden melahirkan anak, didapati terdapat seorang responden telah melahirkan anak ketiga mereka pada umur 42 tahun. Manakala, dari segi status anak responden, lebih 98 peratus anak-anak responden adalah berada dalam tanggungan ibu bapa. Daripada jumlah ini sebanyak 59.3 peratus anak responden yang masih bersekolah.

Terdapat beberapa kaedah pengukuran fertiliti/kesuburan yang telah digariskan oleh ahli demografi. Menurut Bogue (1971) terdapat lima kaedah yang telah ditetapkan oleh ahli demografi iaitu kadar kelahiran kasar, kadar fertiliti am, kadar fertiliti umur khas, kadar jumlah fertiliti dan kadar fertiliti kumulatif. Usman (1989) telah menambah satu lagi kaedah pengukuran iaitu kadar reproduktif kasar. Namun begitu, bagi meninjau kadar fertiliti responden dalam kajian ini, hanya dua daripada kaedah ini yang digunapakai iaitu kadar fertiliti umur khas dan kadar fertiliti kumulatif.

Dapatan kajian juga menemukan kadar fertiliti umur khas yang ditunjukkan pada kategori umur 20–24 tahun adalah rendah (Jadual 6). Tetapi, selepas itu ia mula meningkat sehingga pada kemuncak kategori umur 25 – 29 tahun. Manakala bagi kadar fertiliti kumulatif pula didapati ia lebih tinggi pada kategori umur yang tinggi manakala kadar fertiliti yang lebih rendah pada kategori umur yang lebih muda (Jadual 7). Ini menunjukkan bahawa bilangan anak yang dimiliki oleh responden yang lebih tua adalah lebih ramai berbanding responden yang masih muda.

**Jadual 6. Kadar fertiliti umur khas responden**

Kategori Umur (tahun)	Bil. Wanita	Bil. Kelahiran	*ASFR
20 - 24	11	11	1000
25 - 29	83	143	1723
30 - 34	63	91	1444
35 - 39	36	47	1306
40 - 44	4	4	1000

\*ASFR - Age Specific Fertility Rate (Kadar Fertiliti Umur Khas) dalam ukuran bilangan anak per seribu wanita

**Jadual 7. Kadar fertiliti kumulatif responden**

Kategori Umur (tahun)	Bilangan Wanita	Bilangan Kelahiran	*ASFR	*CFR
20 - 24	11	11	1000	1000
25 - 29	83	143	1723	2723
30 - 34	63	91	1444	4167
35 - 39	36	47	1306	5473
40 - 44	4	4	1000	6473

\*ASFR - Age Specific Fertility Rate (Kadar Fertiliti Umur Khas)

\*CFR - Cumulative Fertility Rate (Kadar Fertiliti Kumulatif)

Nota: Ukuran bagi ASFR dan CFR adalah bilangan anak per seribu wanita

### Analisis hubungan fertiliti dengan pembolehubah terpilih

Dalam melihat hubungan fertiliti dengan pembolehubah terpilih, pembolehubah etnik dan pendapatan keluarga dilihat menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dengan fertiliti responden. Etnik Melayu dilihat menunjukkan jumlah kelahiran yang lebih ramai berbanding etnik Cina dan India, iaitu nilai  $F=3.166$  dengan  $p=.046$  iaitu lebih kecil pada aras signifikan 0.05 yang ditetapkan dalam kajian ini. Bagi pembolehubah pendapatan keluarga, ( $F=3.361$  dengan  $p=.013$  iaitu lebih kecil pada aras signifikan 0.05), didapati semakin tinggi pendapatan keluarga responden, bilangan anak yang dimiliki juga semakin tinggi (Jadual 8).

**Jadual 8. Keputusan analisis Anova Sehalu antara hubungan fertiliti dengan pembolehubah terpilih**

Pembolehubah	Analisis Anova Sehalu	
	Nilai F	Signifikan ( <i>p</i> )
Etnik	3.166	.046
Agama	2.453	.067
Struktur umur responden	8.459	.000
Tahap pendidikan	.266	.067
Pendapatan keluarga	3.361	.013
Pekerjaan suami	.557	.574
Status beban tugas guru	2.498	.087

Di samping itu, pembolehubah struktur umur responden juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dengan fertiliti responden iaitu semakin tinggi umur responden, fertiliti yang dicatatkan juga semakin meningkat dengan nilai  $F=8.459$  dengan  $p=.000$ . Namun begitu, bagi pembolehubah-pembolehubah lain seperti agama, tahap pendidikan, pekerjaan suami dan status beban tugas guru menunjukkan tidak terdapat hubungan dengan fertiliti responden kerana nilai  $p>.05$ . Namun begitu, bagi pembolehubah pekerjaan suami jika aras signifikan pada  $p<1.0$  maka dapatan ini dilihat terdapat perbezaan signifikan dengan  $p<1.0$ . Bagi pembolehubah status beban tugas guru juga, jika aras signifikan pada nilai 0.1, dapatan ini menunjukkan perbezaan signifikan iaitu  $p<0.1$ .

Dapatan analisis Korelasi Pearson pula, dilihat terdapat hubungan antara pembolehubah umur berkahwin, tempoh perkahwinan, tempoh perancang keluarga dan bilangan anak ideal dengan fertiliti responden. Terdapat hubungan negatif yang lemah antara umur berkahwin dengan fertiliti responden dimana  $r = -.230^*$  dengan  $p<0.05$ . Dapatan ini membawa maksud semakin tinggi umur berkahwin responden, semakin rendah bilangan anak yang dimiliki oleh mereka (Jadual 9).

Selain itu, merujuk Jadual 9 juga dapat dilihat perhubungan yang sederhana kuat dicatatkan bagi pembolehubah tempoh perkahwinan dan bilangan anak ideal dengan fertiliti responden iaitu masing-masing ( $r = .554^{**}$ ,  $p < .05$ ) dan ( $r = .609^{**}$ ,  $p < .05$ ). Bagi pembolehubah tempoh perkahwinan, perhubungan yang positif ini menunjukkan bahawa secara relatif, guru-guru wanita yang telah melalui tempoh perkahwinan yang lebih lama, mempunyai bilangan anak sebenar yang lebih ramai. Manakala bagi pembolehubah bilangan anak ideal, perhubungan positif ini menunjukkan bahawa secara relatif, guru-guru wanita yang menyatakan bilangan anak ideal yang lebih ramai akan memiliki bilangan anak sebenar yang lebih ramai.

**Jadual 9. Keputusan analisis korelasi Pearson antara hubungan fertiliti dengan pembolehubah terpilih**

Pembolehubah	Analisis Korelasi Pearson	
	Nilai <i>r</i>	Signifikan ( <i>p</i> )
Umur berkahwin	-.230*	.017
Tempoh perkahwinan	.554**	.000
Bilangan anak ideal	.609**	.000
Tempoh perancang keluarga	.342*	.011

Dalam pada itu, didapati terdapat perhubungan yang lemah antara tempoh perancang keluarga dan fertiliti responden ( $r = .342^*$ ,  $p<.05$ ). Perhubungan yang positif ini menunjukkan bahawa secara relatif, guru-guru wanita yang telah melalui tempoh perancang keluarga yang lebih lama, mempunyai

bilangan anak sebenar yang lebih ramai. Secara keseluruhannya, setelah menganalisis hubungan pembolehubah terpilih dengan fertiliti, terdapat tujuh pembolehubah menunjukkan hubungan yang signifikan pada aras .05 (5%) atau tahap keyakinan (95%) dengan fertiliti responden iaitu  $p < .05$ . Pembolehubah tersebut termasuk dalam faktor sosio-demografi (*etnik, umur, umur berkahwin, tempoh perkahwinan*), faktor pertengahan (*tempoh perancang keluarga, bilangan anak ideal*) dan faktor sosio-ekonomi (pendapatan keluarga).

Walau bagaimanapun, ini tidak bermaksud pembolehubah-pembolehubah lain seperti tahap pendidikan, pekerjaan suami, status beban tugas guru dan agama yang mencatatkan aras signifikan  $p > .05$  dianggap tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan fertiliti. Ini kerana jika aras signifikan pada nilai 1.0, pembolehubah pekerjaan suami dan status beban tugas guru dilihat menunjukkan hubungan yang signifikan dengan fertiliti iaitu  $p < 1.0$ . Manakala jika ukuran kesignifikan pada nilai 0.1 pula, pembolehubah agama dan tahap pendidikan menunjukkan hubungan yang signifikan dengan fertiliti iaitu  $p < 0.1$ . Namun begitu dalam kajian ini ukuran kesignifikan telah ditetapkan pada nilai .05 (5%) atau tahap keyakinan (95%). Justeru itu, mana-mana nilai  $p$  yang lebih kecil ataupun menghampiri nilai .05 ia akan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pembolehubah yang diperhatikan.

## Perbincangan


Malaysia kini sedang berada pada tahap kedua perubahan demografi. Kadar kematian kasar telah mencecah kadar yang amat rendah kesan daripada penyediaan kemudahan perubatan dan kesihatan dan pembaikan dalam sosio-ekonomi yang berlaku sejajar dengan pembangunan. Namun begitu, kadar kematian kasar dijangkakan meningkat sedikit berikutan perubahan-perubahan dalam struktur umur penduduk. Fertiliti telah merosot di sepanjang dekad yang lalu akibat perkahwinan lambat dan juga penurunan kadar fertiliti pasangan yang telah berkahwin (Elizabeth, 2012; Syed Abdul Razak, 2008; Tey, 2010a). Justeru, masa depan Malaysia bergantung kepada kemampuan masyarakat mentelaah pelbagai cabaran kesan perubahan populasi dan fertiliti penduduk yang berlaku (Abdul Aziz et al., 2002). Dalam konteks perubahan dalam institusi keluarga dan tingkat fertiliti yang berlaku di Malaysia, ia telah menjadi satu momentum kepada pihak pemerintah dalam rangka memastikan agar keseimbangan sumber tenaga manusia selari dengan keperluan masa kini dan generasi akan datang.

Realitinya, pola pembentukan keluarga yang berlaku pada hari ini adalah kesan kebanyakan program dan projek pembangunan sosioekonomi yang telah dirancang dan berjaya dilaksanakan sehingga kini termasuk usaha menstruktur semula masyarakat dari segi agihan kekayaan dan peluang ekonomi serta memodenkan masyarakat telah membawa transformasi ke atas masyarakat tersebut. Transformasi yang berlaku telah dibuktikan dengan berubahnya tingkahlaku pasangan berkaitan pembentukan keluarga dan perlakuan fertiliti (Tey, 2010a: 2010b). Ini adalah kesan daripada urbanisasi, pembangunan pendidikan, penyertaan awam dalam ekonomi moden dan penambahbaikan rakyat dari segi pendapatan (Awadalla, 2012; Elizabeth, 2012). Dalam kata lain, ia telah memberi kesan ke atas tingkahlaku rakyat terutama berkaitan dengan usaha-usaha pembentukan keluarga dan pengawalan fertiliti selaras dengan perancangan pembangunan negara (M Jamsiah et al., 2009).

Penemuan penting dalam penyelidikan ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa pembolehubah terpilih mempunyai hubungan yang signifikan terhadap keinginan responden dalam memiliki anak. Dalam kata lain, status dan beban tugas guru juga dilihat secara tidak langsung memberikan implikasi kepada kadar fertiliti responden. Ini sekaligus menunjukkan bahawa wanita yang keluar bekerja telah menjalankan dua tugas utama iaitu produktif dan reproduktif (Fatimah, 1985; Fatimah, 2008; Noraziah, 2008; Suriati Ghazali 2002). Pertembungan pelaksanaan kedua-dua tugas ini menjadikan keputusan terpaksa dibuat untuk memiliki saiz keluarga yang besar atau memadai dengan saiz keluarga yang lebih kecil. Ia berkait rapat dengan amalan perancangan keluarga yang diambil serta nilai anak yang dipegang oleh pasangan masing-masing (Awadalla, 2012; M Jamsiah et al., 2009). Hambatan kos sara hidup yang semakin tinggi kini, juga menjadi punca berlaku 'rundingan semula' antara suami dan isteri dalam meneruskan kehidupan.

Setelah menjelaskan analisis hubungan fertiliti dengan pembolehubah terpilih, faktor-faktor yang mempengaruhi fertiliti responden dalam kajian ini ditunjukkan dalam Rajah 3 di bawah. Model faktor-faktor yang mempengaruhi fertiliti responden ini dihasilkan melalui adaptasi dan penyesuaian setelah meneliti model yang dikemukakan oleh Davis dan Blake (1956) dan Ronald Freedman (1962), yang telah dijelaskan pada awal penulisan ini. Berdasarkan Rajah 3, jelas menunjukkan bahawa pola fertiliti responden dalam kajian ini dipengaruhi melalui tiga faktor penentu utama iaitu faktor sosiodemografi (etnik, agama, struktur umur, umur berkahwin, tempoh perkahwinan) sosioekonomi (tahap pendidikan, pekerjaan suami, pendapatan keluarga) dan beban tugas guru. Ketiga-tiga faktor ini akan mempengaruhi norma saiz keluarga (bilangan anak ideal, nilai anak) dan pembolehubah pertengahan (tempoh perancang keluarga) dalam kalangan responden dan seterusnya menentukan pola fertiliti guru wanita di Daerah Kulajjaya, Johor.

Dalam erti kata lain, pembolehubah pertengahan yang mempengaruhi fertiliti responden secara langsung ini pada sebenarnya juga dipengaruhi oleh norma saiz keluarga responden. Seterusnya norma saiz keluarga ini pula ditentukan oleh faktor sosiodemografi, sosioekonomi dan beban tugas guru dalam kalangan responden. Sesuatu yang menarik perhatian dalam kajian ini ialah beban tugas guru dalam kalangan guru wanita menjadi satu daripada tiga faktor penentu utama dalam mempengaruhi keputusan fertiliti mereka. Dapatan kajian mendapati memang terdapat perbezaan min bilangan anak yang signifikan mengikut tahap beban tugas yang dipikul oleh responden. Responden yang menggalas beban tugas pada tahap berat dan amat berat dilihat cenderung memiliki anak dalam kuantiti lebih kecil berbanding sebaliknya.



Rajah 3. Model faktor-faktor yang mempengaruhi fertiliti responden

Hakikatnya, fenomena fertiliti yang sedang berlaku kini menunjukkan 'trend' semakin menurun. Perubahan saiz keluarga yang besar kepada saiz yang semakin kecil adalah disebabkan peningkatan taraf hidup semasa. Seseengah keluarga menganggap bilangan anak yang ramai akan menyusahkan keluarga dan menyukarkan sesebuah keluarga untuk mengekalkan status taraf hidup yang optimum. Bagi mencapai taraf hidup yang lebih selesa, maka penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan formal

dapat menyumbang ke arah peningkatan pendapatan keluarga (Elizabeth, 2012). Namun begitu, wanita yang terlibat secara aktif dalam dunia pekerjaan sedikit sebanyak memberi masalah kepada pembangunan keluarga. Penglibatan wanita dalam bidang profesional boleh menimbulkan masalah kepada kehidupan keluarga. Ini kerana tuntutan pekerjaan formal menyebabkan wanita berada di luar rumah dari waktu pagi hingga ke petang sekaligus masa untuk bersama anak-anak semakin terhad (Khalijah, 1994; Fatimah, 2008; Maznah, 2008; Noraziah, 2008; Suriati, 2002). Secara tidak langsung ia mempengaruhi proses pembesaran anak terutama bagi anak yang masih kecil. Bagi wanita bekerjaya juga, nilai seseorang anak menjadi semakin tinggi menyebabkan pengurangan permintaan terhadap anak seterusnya menurunkan fertiliti negara secara relatif (Rahmah & Zaini, 1996). Keadaan ini sebenarnya memerlukan perhatian yang serius khususnya dari pihak pemerintah dan perlu dirangka satu pelan tindakan bagi mengawal penurunan fertiliti demi kelangsungan pembangunan negara masa depan.

## Kesimpulan

Dalam menghadapi pola perubahan penduduk Malaysia semasa, pelaksanaan pelbagai dasar dan polisi yang dilakukan, jelas membuktikan bahawa Malaysia sedang berusaha dalam mengimbangi pertumbuhan penduduknya sejajar dengan kepesatan pembangunan yang berlaku. Antara beberapa bukti implikasi dasar kepada perubahan populasi dan fertiliti penduduk termasuklah melalui pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, peningkatan peluang pendidikan, perkembangan bidang pekerjaan dan peningkatan tahap kesihatan masyarakat. Namun demikian, sebagai perancangan masa hadapan, pihak kerajaan khususnya perlu membuat satu pelan tindakan bersepadu bagi memastikan kadar fertiliti negara kita akan menunjukkan peningkatan. Ini kerana untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020 dan mencapai sasaran penduduk 70 juta, kadar kelahiran kasar bagi pasangan berkahwin perlu menunjukkan peningkatan secara berterusan dan konsisten.

Hal ini kerana institusi keluarga merupakan organisasi asas dalam sesuatu masyarakat yang mempengaruhi dan mencorakkan personaliti dan kualiti individu yang seterusnya akan membentuk masyarakat dan modal insan sebagai pemikul cabaran negara. Dalam konteks ini, wanita harus diperkasakan untuk menjamin sumbangan atau peranan mereka tetap relevan sebagai suri rumah tangga kepada keluarga di rumah, sebagai wanita bekerjaya di tempat kerja dan juga sebagai ahli masyarakat dalam sebuah negara. Pada masa sama, rakyat Malaysia juga perlu mempunyai tanggungjawab moral untuk mempertahankan penurunan kesuburan pada masa hadapan. Negara memerlukan saiz penduduk yang besar dan dalam masa sama juga memerlukan rakyat yang berkemampuan dan sihat agar dapat meneraju agenda pembangunan negara agar terus maju dan bersaing dengan negara-negara lain di persada dunia. Inilah yang menjadi harapan agar negara kita Malaysia menjadi sebuah negara yang dihormati, bukan sekadar mempunyai penduduk yang ramai tetapi mempunyai kualiti modal insan yang cemerlang.

## Rujukan

- Abdul Aziz Jemain (1999) *Kaedah dan model demografi*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Awadalla HI (2012) Profile of contraception use among Egyptian women. *Scholarly Journal of Scientific Research and Essay Writing* 1(1), 10-15.
- Babbie E (2010) *The practice of social research*. CA Wadsworth, Belmont. Twelve edition.
- Bogue DJ (1971) *Principles of demography*. John Wiley & Sons, Inc., New York.
- Chua Yan Piaw (2006) Kaedah dan statistik penyelidikan. Buku 2. *Asas statistik penyelidikan*. Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Elizabeth HS (2012) Bracing for low fertility and a large elderly population in South Korea. *Akademic Paper Series*, Korea Economic Institute of America, pp. 1-10.
- Fatimah Abdullah (1985) Wanita dan pekerjaan: Satu analisis konflik peranan. *Akademia* 7 (27), 77-93.

- Fatimah Abdullah (2008) Mengimbangi peranan wanita: Antara ruang peribadi dan awam. In: Noraziah Ali, Jawiah Dakir (eds) *Isu-isu wanita di Malaysia*, pp. 33-53. International Law Book Services, Selangor.
- Fatimah Wati Ibrahim, Abdul Manaf Bohari, Tuan Pah Rokiah Syed Hussain (2002) Wanita dan kerjaya. In: Lukman Z. Mohamad, Abdul Aziz Jemain, Zalina Mohd Ali, Noriszura Ismail (eds) *Keluarga, gender dan cabaran sosial di Malaysia*, pp. 83-94. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Freedman R (1962) The sociology of human fertility: A trend report and bibliography. *Current Sociology* 10/11 (2), 35-121.
- Freedman R (1979) Theories of fertility decline: A reappraisal. In: Philip MH (eds) *World Population and Development*. Syracuse University Press, New York.
- Khalijah Mohd Salleh (1994) *Wanita dan alam pekerjaan*. Institut Kajian Dasar Malaysia, Kuala Lumpur.
- Lay Yoon Fah, Khoo Chwee Hoon (2008) *Pengenalan kepada analisis statistik dalam penyelidikan sains sosial*. Venton Publishing (M) Sdn Bhd, Selangor.
- Lucas D, McDonald P, Young E, Young C (1982) *Pengantar kependudukan*. Terj. Nin Bakdi Sumanto dan Riningsih Saladi. Gadjah Mada University Press, Yogyakarta.
- Malaysia (2006) Wanita dan pembangunan. In: *Rancangan Malaysia Ke Sembilan 2006-2010*, pp. 295-309. Terbitan Kerajaan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Maznah Ibrahim (2008) Pengurusan masa berkesan untuk wanita bekerjaya. In: Noraziah Ali, Jawiah Dakir. *Isu-isu wanita di Malaysia*, pp. 131-148. International Law Book Services, Selangor.
- M Jamsiah, MA Rahmah, WP Sh Ezat, AS Shamsul (2009) Amalan perancang keluarga dan faktor hubungkait bagi penduduk wanita daerah Hulu Langat, Selangor. *Jurnal of Community Health* 15(1), 57-63.
- Mohd Fitri Sahhari (2006) Tahap beban tugas guru Sekolah Menengah di Daerah Skudai: Kajian kes. Latihan Ilmiah, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Noraziah Ali (2008) Tugas asas wanita dalam dunia perubahan: Cabaran pembangunan keluarga. In: Noraziah Ali, Jawiah Dakir. *Isu-isu wanita di Malaysia*, pp. 9-32. International Law Book Services, Selangor.
- Nur Zakiah Mohd Saat, Wan Norsiah Mohamed, Zalina Mohd Ali (2002) Saiz keluarga ideal di Semenanjung Malaysia. In: Lukman Z Mohamad, Abdul Aziz Jemain, Zalina Mohd Ali, Noriszura Ismail (eds) *Keluarga, gender dan cabaran sosial di Malaysia*, pp. 23-36. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Pejabat Pelajaran Daerah Kulai (2010) [cited 10 September 2010]. Available from: <http://www.kulaijaya.net>.
- Rahmah Ismail, Zaini Mahbar (1996) Wanita dan perkerajaan: Suatu tinjauan. In: Rahmah Ismail, Zaini Mahbar (eds) *Wanita dan pekerjaan*, pp. 13-22. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Raja Rohana Raja Mamat (1999) *Peranan dan status wanita Melayu di Malaysia daripada perspektif sosial dan undang-undang*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Ramlee Mustapha, Ramziah Husin (2002) Perancangan pendidikan untuk pembangunan sumber manusia dalam era globalisasi dan k-ekonomi. *Jurnal Teknologi* 37 (E), 47- 56.
- Razak Mohd (1996) Kesan faktor sosioekonomi demografi ke atas fertiliti di Semenanjung Malaysia 1974-89. In: Rahmah Ismail, Zaini Mahbar (eds) *Wanita dan pekerjaan*, pp. 38-60. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Rohana Yusof (2004) *Penyelidikan sains sosial* (edisi semak). PTS Publication & Distributors, Pahang.
- Rika Fatimah, Abd. Aziz Jemain (2009) Status keluarga Malaysia dalam perspektif kualiti. *Sains Malaysiana* 38 (5), 735-743.
- Suriati Ghazali (2002) "Di mana mak, ayah?" *Agihan tugas baru kesan pemodenan dan perindustrian*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur.

- Syed Abdul Razak bin Sayed Mahadi, Mustafa Omar (2008) *Pengalaman perubahan keluarga dan tingkat fertiliti di Malaysia: Satu analisis dari aspek demografi*. Rancangan Pengajian Kependudukan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Malaya, Kuala Lumpur [cited 20 Oktober 2010]. Available from: <http://portal.fsss.um.edu.my>.
- Tey Nai Peng (2010a) Trend perbezaan kesuburan di Semenanjung Malaysia: Perubahan sepanjang empat dekad. In: Jamilah Ariffin (ed) *Himpunan makalah wanita dan pembangunan di Malaysia satu kesinambungan*, pp. 265-292. MPH Group Publishing Sdn Bhd, Selangor.
- Tey Nai Peng (2010b) Corak perkahwinan yang berubah di kalangan wanita di Semenanjung Malaysia semenjak 1970. In: Jamilah Ariffin (ed) *Himpunan makalah wanita dan pembangunan di Malaysia satu kesinambungan*, pp. 293-312. MPH Group Publishing Sdn Bhd, Selangor.
- Usman Haji Yaakob (1989) *Prinsip kajian kependudukan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Zainal Mat Saat (2003) *Statistik awalan*. Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd., Malaysia.